

ZYLTAN 50 (LOSARTAN POTASSIUM TABLETS USP 50MG)

Losartan Potassium Tablets USP 50 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZYLTAN
2. Bagaimana ZYLTAN berfungsi
3. Sebelum menggunakan ZYLTAN
4. Cara menggunakan ZYLTAN
5. Semasa menggunakan ZYLTAN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZYLTAN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan ZYLTAN

Ia mengandungi bahan aktif losartan. Ia digunakan untuk:

- menurunkan tekanan darah tinggi (Hipertensi);
- mengurangkan risiko strok pada pesakit dengan tekanan darah tinggi dan masalah jantung yang dikenali sebagai hipertrofi ventrikel kiri. ZYLTAN mungkin tidak dapat membantu pesakit berkulit hitam dengan masalah ini.
- melambatkan penyakit ginjal yang disebabkan diabetis (nefropati) pada pesakit dengan diabetis jenis 2 yang mengalami atau pernah mengalami tekanan darah tinggi.

Bagaimana ZYLTAN berfungsi

Losartan tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai angiotensin-II reseptor antagonis. Angiotensin-II ialah bahan yang dihasilkan dalam badan yang mengikat kepada reseptor dalam saluran darah, menyebabkan saluran darah mengetat. Ini mengakibatkan peningkatan dalam tekanan darah. Losartan menghalang pengikatan angiotensin-II kepada reseptor, menyebabkan saluran darah mengendur dan seterusnya menurunkan tekanan darah. Losartan melambatkan penurunan fungsi ginjal pada pesakit dengan tekanan darah tinggi dan diabetis jenis 2.

Sebelum menggunakan ZYLTAN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ZYLTAN jika: Anda alergic terhadap losartan atau mana-

mana bahan kandungan ZYLTAN. Pembungkusan terkoyak atau menunjukkan tanda terusik. Tarikh luput pada pek telah berlalu.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil ZYLTAN jika anda mengandung, cuba untuk mengandung atau rasa anda mungkin mengandung. Jangan ambil ZYLTAN jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan ZYLTAN

Maklumkan doktor jika: Anda merancang untuk mengandung atau menyusukan anak. Anda pernah mengalami sebarang penyakit perubatan. Anda baru-baru ini mengalami muntah atau cirit-birit yang berlebihan. Anda alergic terhadap sebarang ubat atau bahan. Jika anda belum memberitahu doktor tentang mana-mana di atas, beritahulah doktor sebelum anda menggunakan ZYLTAN.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Doktor atau ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubat yang perlu anda berikan perhatian atau elakkan semasa mengambil ZYLTAN.

Cara menggunakan ZYLTAN

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor akan memberitahu anda berapa banyak tablet perlu anda ambil setiap hari. Ini bergantung kepada penyakit anda dan sama ada anda sedang mengambil ubat lain.

- Untuk tekanan darah tinggi: Bagi kebanyakan pesakit, dos permulaan biasa ialah 50 mg tablet diambil sekali sehari. Sesetengah

pesakit mungkin memerlukan dos permulaan sebanyak 25 mg tablet. Dos ini mungkin perlu bertambah bergantung kepada tekanan darah anda. Kebanyakan pesakit mengambil antara 25 hingga 100 mg setiap hari, diambil sebagai dos tunggal atau dalam dos dibahagikan.

- Bagi penyakit ginjal yang disebabkan diabetis (nefropati) pada pesakit dengan diabetis jenis 2 yang mengalami atau pernah mengalami tekanan darah tinggi:

Dos permulaan biasa ialah 50 mg ZYLTAN sekali sehari. Dos ini boleh bertambah kepada 100 mg sekali sehari bergantung kepada tekanan darah anda.

- Bagi strok pada pesakit dengan tekanan darah tinggi dan masalah jantung yang dikenali sebagai hipertrofi ventrikel kiri:

Dos permulaan biasa ialah 50 mg ZYLTAN sekali sehari. Hydrochlorothiazide 12.5 mg sehari perlu ditambah dan/atau dos ZYLTAN perlu bertambah kepada 100 mg sekali sehari diikuti dengan peningkatan dalam hydrochlorothiazide kepada 25 mg sekali sehari berdasarkan respons tekanan darah.

- Bila perlu digunakan

Mengambil ZYLTAN pada masa yang lebih kurang sama setiap hari, akan memberi kesan yang terbaik dan juga membantu anda ingat bila perlu mengambil ubat ini. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

ZYLTAN membantu mengawal tekanan darah tinggi, tetapi tidak menyembuhkannya. Oleh itu ZYLTAN

perlu diambil setiap hari selagi dicadangkan doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Jika anda terambil tablet berlebihan, anda mungkin akan berasa pitam atau pening.

Semasa menggunakan ZYLTAN

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ZYLTAN. Beritahu doktor dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini. Jika anda berasa pitam, pening atau pangsang, bangun perlahan-lahan apabila bangun dari tidur atau berdiri, maklumkan kepada doktor. Pastikan anda minum air secukupnya semasa bersenaman dan cuaca panas apabila anda mengambil ZYLTAN, terutamanya jika anda berpeluh banyak. Jika anda mengalami muntah dan/atau cirit-birit berlebihan semasa mengambil ZYLTAN, maklumkan kepada doktor. Jumpa doktor secara tetap untuk pemeriksaan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor

anda. Jangan berkongsi ZYLTAN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini boleh mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, ZYLTAN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut selepas menggunakan ubat ini:

Sakit belakang, sakit kaki, kekejangan otot, rasa bahawa anda akan jatuh, kesesakan hidung, tekanan darah rendah, denyutan jantung yang tidak teratur, mulut kering, muntah, sembelit, sakit gigi, bengkak sendi, otot lemah, kebingungan, kerap membuang air kecil dan sensitif terhadap cahaya atau tenaga sinaran yang lain.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh juga berlaku pada sesetengah pesakit. Rujuk kepada doktor/ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Jangan terkejut dengan senarai kesan sampingan yang mungkin ini. Anda mungkin tidak akan mengalami sebarangnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan ZYLTAN

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C, lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, berbentuk bujur, bersalut film, mempunyai garisan putus pada sebelah.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Losartan Potassium

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline Cellulose, Sodium Starch Glycolate, Croscarmellose Sodium, Colloidal Silicon Dioxide, Talc, Magnesium Stearate, Ethyl Cellulose, Hydroxy Propyl Methyl Cellulose 2910 (E15), Isopropyl Alcohol, Methylene Chloride, Propylene Glycol, Titanium Dioxide.

- Nombor MAL:

MAL13065043A

Pengilang

Troikaa Pharmaceuticals Ltd.

C-1, Sara Industrial Estate, Selaqui, Dehradun, Uttarakhand, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd (137156-U)

Lorong Sempadan 2,

(Off Boundry Road), 11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP

18/12/2013